

## KEJUARAAN SILAT SEDUNIA

# Silat untuk semua: Tema kejohanan

21 NOV 1987

**SILAT UNTUK SEMUA** dipilih sebagai tema Kejuaraan Silat Sedunia, yang akan diadakan di Stadium Negara, pada 2-9 Disember ini, lapor **JAMHARIAH JAAFAR**.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk **Sabbaruddin Chik**, ketika mengumumkan semalam, berkata tema itu bermaksud bahawa silat sebagai warisan seni sejagat, sesuai dan boleh diterima oleh semua golongan di seluruh pelusuk dunia.

Beliau bangga dengan sambutan negara-negara luar, terutama Eropah terhadap kejuaraan itu. **B. Harian (M)**

"Sebanyak 18 negara telah mengesahkan penyertaan dan sambutan ini membuktikan silat sebagai satu cabang seni warisan pusaka kebanggaan rantau ini mampu berkembang di peringkat antarabangsa," katanya.

Sebanyak 60 pingat

iaitu 15 emas, 15 perak dan 30 gangsa akan dipertandingkan dalam 10 kelas lelaki dan lima wanita.

Sementara itu, Piala Hang Tuah akan dijadikan piala rebutan dalam kejuaraan itu.

Piala itu adalah antara lima piala pusingan yang akan dipertandingkan.

### Simbol

Datuk Sabbaruddin Chik, berkata, nama Hang Tuah dipilih sebagai simbol kegemilangan Kesultanan Melaka.

Satu lagi piala ialah Piala Pendekar yang akan dihadiahkan kepada pasukan juara dijuara dalam seni silat.

Pemenang silat olahraga pula akan menerima Piala Presiden, manakala pesilat yang menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang kejuaraan akan menerima Piala Pesilat Terbaik.

Juga disediakan ialah Piala Pesilat Harapan.

Selain Malaysia yang mengemukakan dua pasukan, mengandungi 30 peserta, negara-negara lain yang bertanding ialah Australia, Austria, Belanda, Belgium, Great Britain, Sepanyol, Turki, Surinam, Jerman Barat, Perancis, Brunei Darussalam, Indonesia, Singapura, Filipina, Tanzania, Amerika Syarikat dan Yugoslavia.

## Kelantan mahu tambah pingat

**B. Harian (M)**

**PESILAT-PESILAT** Kelantan berazam memenangi lebih banyak pingat dalam menghadapi pencabar mereka di Stadium Negara, pada 2-9 Disember ini, berbanding dua pingat gangsa di Sukan SEA Jakarta September lalu, lapor **ALI SULONG**.

Sehubungan itu, negeri berkenaan akan mengemukakan barisan pesilat terlatih demi menepati azam itu, kata Naib Presiden Persatuan Silat Terak Empat Kelantan (PSTEK), Mat Noor Mahmood.

Menurutnya, Mohd Fauzi Aziz dan Azam Haji Abas yang masing-masing memenangi pingat gangsa untuk Kelas I dan Kelas H di Sukan SEA Jakarta itu, berharap cerah mempertahankan pingat itu.

Beliau menjelaskan, lima pesilat harapan negeri itu kini berada di Kuala Lumpur bagi menjalani latihan rapi sebagai usaha meningkatkan lagi kemahiran dan kecergasan.

Tiga lagi pesilat Kelantan yang akan menyertainya ialah Mohd Zain Che Kob (Kelas Bebas), Ghazali Mamat (Kelas H) dan Wan Azimah Wan Ahmad (Wanita Kelas B).

Mat Noor yang juga jurulatih kepada pesilat-pesilat Kelantan itu, memberitahu negeri itu mungkin menghantar beberapa lagi pesilat ke Kuala Lumpur, terutama dalam bahagian wanita.

**24 NOV 1987**  
PSTEK, ujarinya, menghadapi masalah peserta wanita kerana mereka menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).